

16 SEP 1997

PENYERTAAN SEJAGAT PENTING DALAM MEMBUAT KEPUTUSAN, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 16 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata keputusan satu pihak yang diambil oleh negara-negara yang mempunyai kesan sejagat adalah tidak sesuai terutama sekali bila negara lain tidak dirundingi.

Ini lebih ketara lagi kerana dalam kemajuan teknologi maklumat di mana kemudahan multimedia membolehkan komunikasi antara semua negara pada setiap masa yang menjadikan dunia ini tanpa sempadan, katanya.

"Dengan kedudukan media yang sebegitu canggih sekarang, perundingan adalah tidak terbatas di mana orang boleh secara literal bersemuka untuk bercakap melalui kemudahan telepersidangan yang menjadikan komunikasi lebih mudah," katanya.

"Kita akan hidup dalam sebuah dunia keseluruhannya baru sekarang...dunia akan menjadi sebuah negara dan semua orang boleh membuat keputusan masyarakat bagaimana yang ia ingin berada di dalamnya," katanya semasa soal-jawab pada sesi plenari terbuka selepas merasmikan pameran dan persidangan kedua "Multimedia Asia 1997" di sini.

"...seperti yang anda tahu, dengan Internet, anda boleh mendapatkan sejumlah pendapat mengenai sebarang perkara tertentu, (maka) kenapa harus seseorang itu membuat keputusan tanpa bertanya kepada orang lain kerana keputusan tersebut akan menjejaskan orang lain," katanya.

Beliau memberi contoh tentang bagaimana dalam beberapa tahun lalu kumpulan negara-negara perindustrian G-7, tanpa berunding dengan negara lain, membuat keputusan untuk menaikkan nilai matawang yen Jepun yang menjejaskan teruk banyak negara membangun.

Akibatnya, "kita perlu mendapatkan tiga kali lebih banyak ringgit untuk membayar pinjaman yang dikuasai yen apabila nilai yen naik sebanyak 300 peratus berbanding ringgit.

"Jika lama dahulu, orang menggunakan kapal layar dan mengambil masa sehingga tiga bulan untuk sampai ke sebuah negara lain, kekurangan rundingan boleh dimaafkan...tetapi hari ini, saya boleh secara literal bercakap dengan Presiden Clinton di sini dan sekarang juga jika dia bersetuju untuk bercakap dengan saya," kata Dr. Mahathir.

Berkaitan dengan kekurangan perundingan yang dihubungkan dengan serangan spekulatif terhadap ringgit yang mengakibatkan matawang itu jatuh sebanyak 20 peratus berbanding dolar, beliau berkata negara telah menjadi lebih miskin sebanyak peratusan yang sama dan "kami tertanya-tanya adakah itu perbuatan yang betul atau apakah kesalahan yang telah kami lakukan untuk memapakan kami sebegitu rupa."

Pendapatan per kapita yang diusahakan selama 10 tahun untuk mencapai sehingga AS\$5000 telah diheret turun dengan mendadak kepada AS\$4000 dalam masa dua minggu kerana serangan spekulatif yang tak beralasan, katanya yang jelas merujuk kepada serangan spekulatif oleh pengurus dana asing walaupun asas ekonomi negara adalah kukuh.

Perdana Menteri berkata bahawa tiada perundingan dibuat walaupun di Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu kerana sesetengah negara peserta "hanya membuat kenyataan dan meninggalkan persidangan tanpa membuat sebarang nota sama ada mereka telah mendapat perhatian negara lain."

Ditanya sama ada satu dana yang disokong oleh kerajaan akan ditubuhkan untuk membantu firma kecil dan sederhana dalam sektor teknologi maklumat, beliau berkata semua galakan termasuk galakan cukai yang ditawarkan melalui penubuhan Koridor Raya Multimedia (MSC) akan dipanjangkan kepada mereka.

Beliau berkata syarikat berkaitan teknologi maklumat boleh mendapatkan sumber daripada MESDAQ, bursa yang dicadangkan untuk menyenarai syarikat teknologi dan yang berpertumbuhan tinggi.

Di perbadankan pada 25 Mei, 1997 sebagai sebuah syarikat berhad secara jaminan, ia akan beroperasi dalam satu persekitaran penzahiran sepenuhnya, menghendaki penzahiran penuh semua maklumat berkaitan bagi membolehkan pelabur membuat keputusan bermaklumat. -- BERNAMA

RIZ SIA